

**TEKS UCAPAN
YB MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2013
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**3 Jun 2014
Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid**

Terima kasih Pengacara Majlis.

YBrs. Tuan Hj. Sarani Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi),

YBhg. Dato' Hj. Zainuddin Zakaria
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan),

YBhg. Dato' Ir. Annies Md. Ariff
Ketua Pengarah Kerja Raya,

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abd Karim
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB),

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail Md Salleh
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM),

Assalamualaikum WBT
Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Transformasi.

Dato'-dato', Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KKR bagi Tahun 2013.

2. Terimakasih saya ucapkan atas jemputan bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya menyempurnakan Majlis APC KKR 2013 pada pagi ini. Terima kasih juga saya ucapkan, di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kehadiran dan komitmen semua pada hari ini, jelas menunjukkan bahawa kita sentiasa bersatu dan bersama, dalam memacu perjalanan Kementerian ini, khususnya dalam merealisasikan visi KKR untuk menjadi peneraju dalam pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara.

3. Pada hari ini, kita sama-sama memberikan pengiktirafan kepada 903 orang pegawai pelbagai peringkat jawatan dari Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Pengiktirafan ini adalah sebagai penghargaan kementerian kepada semua penerima

yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2013.

4. Saya menaruh kepercayaan, keseluruhan Warga Kerja Raya, telah memberikan perkhidmatan terbaik seperti yang telah dibuktikan dengan pencapaian kita selama ini. Tema majlis pada hari ini iaitu **“Warga Cemerlang Peneraju Transformasi”**, sangat bertepatan kerana hasil dari kecemerlangan Warga Kerja Raya akan dapat memastikan transformasi berlaku dalam kementerian ini.

5. Bagi pihak kementerian, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima. Semoga anugerah yang bakal diterima oleh tuan-tuan dan puan-puan akan menjadi pembakar semangat dan meningkatkan lagi motivasi diri untuk terus menyumbang bakti kepada perkhidmatan Kerajaan, di samping menjadi sumber motivasi kepada Warga Kerja Raya yang lain untuk turut berusaha mendapat APC pada masa akan datang.

KECEMERLANGAN NEGARA

6. Baru-baru ini (26-28 Mac 2014), negara kita telah menempa sejarah apabila Barrack Obama, Presiden Amerika Syarikat, mengadakan lawatan rasmi ke negara kita sempena

rangka lawatan beliau ke rantau ini. Malah tempoh lawatan ke Malaysia, adalah merupakan tempoh lawatan paling lama berbanding dengan negara lain yang dilawati iaitu Jepun, Korea Selatan dan Filipina. Lawatan berkenaan memberi peluang kepada kita, untuk mempamerkan sebuah negara yang makmur dan maju. Kehadiran Obama membuktikan bahawa Malaysia;

- a. sebagai negara membangun yang dinamik
- b. sebuah negara Islam progresif dan makmur, dengan pendekatan kesederhanaan atau wasatiyyah; dan
- c. negara yang kekal menjunjung demokrasi berparlimen.

SUMBANGAN PERKHIDMATAN AWAM

Warga Kerja Raya yang saya hormati sekalian,

7. Kemajuan negara ini semuanya adalah hasil dari penggembelengan tenaga seluruh lapisan rakyat yang ditunjangi oleh penjawat awam, serta sentiasa menyokong dan mendukung usaha kerajaan.

8. Kemajuan yang kita capai pada hari ini tidak berlaku sekelip mata, tetapi berkat usaha dan perancangan rapi kepimpinan kerajaan serta komitmen padu penjawat awam yang

bergerak seiring dengan hasrat untuk merakyatkan perkhidmatan awam.

PERKHIDMATAN AWAM PEMACU TRANSFORMASI

9. Sepertimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, transformasi perkhidmatan awam tidak dapat dielakkan dan ianya pasti berlaku dalam era globalisasi, teknologi, inovatif, kreatif dan dalam dunia tanpa sempadan yang berpaksikan pengetahuan. Pada masa yang sama, ekspektasi rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan yang terbaik daripada penjawat awam dan kerajaan kian meningkat. Inilah merupakan cabaran besar kita, iaitu untuk memenuhi ekspektasi yang tiada penghujungnya.

10. Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Transformasi Nasional, untuk memandu Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Agenda besar transformasi Negara merangkumi Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik (PTP), Program Transformasi Komuniti (CTP), Program Transformasi Sosial (STP) dan Program Transformasi Fiskal (FTP).

Warga Kerja Raya yang saya hormati sekalian,

11. GTP menerajui inisiatif transformasi sosial yang penting untuk mengubah perkhidmatan awam kepada sebuah pentadbiran yang dinamik, inovatif dan berfokuskan masyarakat. Seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, GTP yang dilaksanakan melalui 7 NKRA (Bidang Keberhasilan Utama Negara), berjaya mencapai kejayaan 104 peratus daripada sasaran keseluruhan pada tahun 2013.

12. NKRA bagi Menangani Kos Sara Hidup Rakyat 2013 telah berjaya memanfaatkan lebih 4.8 juta isi rumah Malaysia berpendapatan rendah. Ini dibuat menerusi pemberian tambahan melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M 2.0 yang melibatkan peruntukan RM2.91 bilion. Kejayaan lain NKRA termasuklah mempertingkatkan pembangunan luar bandar dengan tahun 2013 sahaja menyaksikan pembinaan jalan berturap sepanjang 700 kilometer. Sepanjang 2010 hingga 2013 juga jalan luar bandar sepanjang 4,068 kilometer berjaya dibina. Selain itu, antara lain keberhasilan NKRA mempertingkatkan pengangkutan awam bandar seperti menaik taraf perkhidmatan KTM Komuter dan pembinaan MRT yang sedang giat dijalankan

di Lembah Klang. Menerusi NKRA juga taraf hidup rakyat berjaya dipertingkatkan menerusi program-program seperti 1Azam dan KR1M. NKRA juga menyaksikan kejayaan mengurangkan kadar jenayah sebanyak 6.5 peratus pada 2013 dan dalam usaha membanteras rasuah pula dashboard atau papan pemuka Jabatan Audit Negara telah dilancarkan pada 1 Oktober 2013.

13. Kesemua program transformasi kerajaan yang diperkenalkan telah membuahkan hasil yang memberangsangkan. Walaupun ekonomi dunia sedang dalam keadaan tidak menentu, kita dapat saksikan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara berkembang sebanyak 6.2 peratus pada suku pertama 2014 berbanding 4.2 peratus pada suku tahun sebelumnya, manakala pendapatan perkapita pada tahun 2014 pula dijangka mencecah RM34,126 berbanding RM24,879 pada tahun 2009.

14. Laporan Bank Dunia Edisi 2014 pula meletakkan Malaysia di kedudukan ke-6 senarai negara paling mesra perniagaan. Manakala World Economic Forum dalam Laporan Daya Saing Global 2012-2013 meletakkan negara ini pada kedudukan ke-24 negara paling berdaya saing di dunia. Perangkaan ini juga adalah petunjuk positif kejayaan dasar

kerajaan berhubung hala tuju ekonomi negara seperti digariskan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP).

15. Semasa pembentangan bajet 2014 yang lalu, kerajaan telah mengumumkan satu sistem cukai baru iaitu Cukai Barang dan Perkhidmatan atau *Goods & Services Tax*, *GST* yang akan mula dilaksanakan pada bulan April 2015, bagi menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Rang Undang-undang GST telah pun diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini. Langkah di bawah Transformasi Fiskal ini bertujuan untuk meneguhkan ketahanan ekonomi negara bagi jangka masa panjang.

16. Secara ringkasnya, GST merupakan satu sistem pencukaian yang lebih sistematik berasaskan jumlah pembelian barangan kita seharian. Sungguhpun begitu kita semua tidak perlu risau kerana cukai GST tidak akan dikenakan ke atas barangan keperluan dan perkhidmatan asas harian seperti beras, gula, garam, tepung, minyak masak, ikan masin, tambang pengangkutan awam, perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.

17. Saya difahamkan, Kementerian telah mengaturkan beberapa siri penerangan mengenai GST ini kepada semua penjawat awam di KKR dan Agensi secara bersiri hingga April

2015 nanti. Diharapkan dengan penerangan ini Warga Kerja Raya dapat lebih memahami faedah GST dan seterusnya menjadi agen yang berkesan untuk memberi penjelasan kepada rakyat mengenai GST ini dalam ruang persekitaran kerja kita di KKR dan Agensinya. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan tidak sewenang-wenangnya mempercayai persepsi negatif yang dibangkitkan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab terhadap pelaksanaan GST ini.

PRINSIP DAN TANGGUNJAWAB PENJAWAT AWAM

Sidang hadirin sekalian,

18. Semasa Sambutan Hari Pekerja Penjawat Awam 2014 di Jitra baru-baru ini, YAB Perdana Menteri ada menyarankan supaya penjawat awam seharusnya menerima realiti bahawa hambatan masa dan kehendak zaman telah berubah di mana era zaman kerajaan mengetahui segalanya sudah berlalu dan era sekarang memaksa penjawat awam untuk melakukan perkara yang tidak mereka lakukan pada masa dahulu.

19. Dalam era yang ditentukan oleh kepantasan masa (speed), semua penjawat awam semestinya mempunyai ciri-ciri

kendiri yang berbeza, selari dengan kehendak masa. Oleh itu penjawat awam hendaklah memenuhi lima kriteria ini iaitu:

- a. Berilmu – dimana sentiasa memastikan mereka berpengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi ikon kepada masyarakat;
- b. Kebolehpercayaan – dimana pegawai awam hendaklah jujur, amanah, berintegriti dan diyakini mempunyai nilai-nilai murni;
- c. Budaya Amalan Kerja Terbaik – di mana penjawat awam hendaklah bersungguh dan serius dalam pekerjaan, fokus, berdisiplin, menepati masa dan mempunyai kemahiran dan kompetensi yang tinggi;
- d. Semangat patriotik – sebagai penjawat awam hendaklah bangga mempunyai sebuah negara yang maju dan makmur; dan
- e. Budaya keberhasilan berteraskan Outcome Based – Satu budaya yang sangat penting bagi meningkatkan mutu hasil kerja yang unggul dan cemerlang.

20. Oleh itu, saya menyeru semua Warga Kerja Raya supaya berusaha ke arah mempertingkatkan keupayaan dari aspek ilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi contoh kepada masyarakat. Di samping itu, kementerian perlu mencari jalan untuk menutup semua kelemahan yang ada supaya perkhidmatan kementerian kepada rakyat dapat dipertingkatkan.

21. Saban tahun kita didedahkan dengan teguran oleh Jabatan Audit Negara yang mendapati terdapat kelemahan dalam pelaksanaan fungsi kementerian kita. Ironinya kebanyakan kelemahan yang dijumpai adalah merupakan kelemahan yang sama dan berulang-ulang kejadiannya. Oleh itu saya meminta pihak pengurusan atasan kementerian dan agensi melihat perkara ini dengan sangat serius dan mencari jalan yang bersesuaian supaya kelemahan-kelemahan yang ada dapat diperbaiki. Saya juga berharap penubuhan Unit Integriti di Kementerian dan agensi dapat membantu menangani masalah yang dibangkitkan itu.

22. Kita perlu sedar amanah yang telah diberikan kepada kita dan tidak hilang fokus untuk terus berbakti kepada negara dan

rakyatnya. Kita perlu terus dilihat sebagai sebuah negara yang progresif dan berfahaman sederhana bagi membolehkan kita hidup dalam harmoni di antara kaum di Malaysia mahu pun dalam konteks kehidupan diperingkat antarabangsa. Taraf hidup yang kita kecapai sekarang ini adalah manifestasi daripada kehidupan yang berfahaman progresif dan sederhana yang telah dilakarkan bersama di antara Kerajaan, penjawat awam dan rakyat sejak merdeka lagi.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

23. Akhir sekali, marilah kita bersama-sama mengeratkan kerjasama, persefahaman dan menggembelngkan tenaga, mengeluarkan idea-idea inovatif dan kreatif untuk kemajuan dan kejayaan serta menghayati tema “Warga Cemerlang Peneraju Transformasi”. Semoga Seluruh Warga Kerja Raya akan mengintegrasikan semangat yang tinggi dan berkobar-kobar untuk menyumbang sesuatu yang boleh mengekalkan kelestarian perkhidmatan Kementerian kita.

24. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2013. Tidak lupa juga kepada Pihak Urusetia Majlis yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kejayaan Majlis ini. Teruskan kecemerlangan dan bertekadlah untuk jadi lebih cemerlang di masa akan datang. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kaamatan dan Gawai yang berlangsung pada 30 Mei hingga 1 Jun 2014 ini terutamanya bagi Warga Kerja Raya yang berasal dari Sabah dan Sarawak.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.